

Jubli Kaum Muda: **HARAPAN** untuk keamanan dunia

TAKHTA SUCI: Jubli Pempengaruh dan Jubli Belia adalah acara yang dirancang dalam agenda untuk Tahun Jubli Harapan. Acara besar ini berlangsung dari Julai 18 hingga Ogos 3. Uskup Agung Rino Fisichella, Pro-Prefek Dikasteri untuk Penginjilan, menekankan acara pelbagai budaya dan kepelbagaian telah menyentuh hati belia yang datang dari seluruh dunia.

Belia dari pelbagai keuskupan di dunia, tiba di Kota Abadi untuk menyertai apa yang digambarkan oleh Uskup Agung sebagai “antara saat yang paling dinantikan” tahun ini.

Sebanyak 146 negara termasuk Malaysia telah menghantar perwakilan bagi acara seminggu tersebut. 78% daripadanya datang dari negara-negara Eropah, 22% lagi dari Amerika, Afrika, Asia, Australia dan negara-negara yang menghadapi konflik seperti Iraq, Sudan Selatan dan Lubnan.

“Pada dasarnya, Jubli Pempengaruh dan Belia adalah perayaan sukacita yang juga bertujuan untuk menawarkan apa yang diperlukan oleh kaum muda dari seluruh dunia - satu isyarat yang melambangkan saat damai yang tulen dan satu langkah ke arah membina keamanan di dunia,” jelas Uskup Agung Fisichella.

Belia HARAPAN untuk Gereja

Setengah juta orang muda yang berhimpun di Roma “merupakan angka yang luar biasa dan penting,” kata Pro-Prefek Dikasteri untuk Penginjilan.

Sebanyak 370 Gereja, 400 bangunan sekolah, stadium dan beberapa keluarga telah membuka pintu mereka untuk menempatkan golongan muda.

Vigil doa dan Misa diadakan di lokasi yang sama dengan Hari Belia Sedunia ke-15 yang diadakan di Roma di Tor Vergata.

70 acara untuk iman, sukacita dan persahabatan

Jubli yang berlangsung selama seminggu itu bermula dengan “Dialog dengan Bandar”, iaitu 70 acara yang berlangsung selama tiga hari diadakan di dataran-dataran yang berbeza di sekitar Roma.

Acara-acara ini dianjurkan oleh persatuan, kumpulan dan konferensi para uskup yang berbeza.

Sebagai contoh, kumpulan teater Duc in Altum menjelajah jalan-jalan bandar dengan mempersembahkan karya teater tentang kehidupan Sta Therese dari Lisieux.

Caritas Internationalis pula mempunyai gerai dengan peta interaktif yang memaparkan video belia yang terlibat dalam misi Caritas.

Mary's Meals juga hadir, memperlihatkan karya-karya mereka yang berjuang memutuskan kitaran kemiskinan bagi berjuta-juta kanak-kanak di seluruh dunia.

Pada Ogos 1, para penziarah muda melakukan sakramen pengakuan dengan 200 orang paderi yang hadir.

Ia memberi peluang kepada ribuan belia untuk mengambil kesempatan daripada hari penebusan ini.

Pada Sabtu, Ogos 2, salah satu acara terbesar yang dijalankan diadakan di Tor Vergata – lokasi yang sama dengan Hari Belia Sedunia 2000.

Di sana, Sri Paus Leo XIV menyertai ratusan ribu belia untuk vigil doa, di mana tiga orang – seorang dari Mexico, seorang dari Amerika Syarikat, dan seorang dari Itali – mengajukan soalan kepada Paus.

Jubli Belia ditutup dengan Misa yang dipimpin oleh Sri Paus Leo XIV pada Ogos 3, 2025.

Antara kontinjen yang menjadi perhatian ialah kontinjen belia dari Korea Selatan yang juga merupakan tuan rumah Hari Belia Sedunia (WYD) pada tahun 2027.

Keuskupan Agung Seoul telah menghantar 1,000 belia ke Jubli Belia di Roma, yang juga merupakan persiapan mereka sebagai tuan rumah WYD.

Kontinjen dari Afrika pula membawa “pakaian harapan” semasa menghadiri Misa Kudus iaitu baju-T yang ditandatangani oleh para belia Afrika yang tidak dapat menghadiri Jubli Belia di Roma.

Bagi kontinjen Malaysia, seramai 126 yang mendaftar secara rasmi dengan ASAYO, berada di kota Abadi bersama Fr Simon Lau dan Fr Michael Dass.

Fr Michael Dass yang ditemuramah dalam sebuah podcast (*Catholics at Home*) sebelum pemergian ke Roma berkata, “Tujuan sebenar ziarah ini adalah untuk mengalami kasih sayang Tuhan bahawa kita adalah anak-anak-Nya yang terkasih.”

Media Vatikan



Dalam sebuah buku bertajuk *Peculiar Treasures*, novelis dan penulis rohani terkenal, Frederick Buechner merenungkan watak Yudas, lelaki yang mengkhianati Yesus dengan ciuman dan kemudian mati bunuh diri.

Buechner, yang kehilangan bapanya sendiri akibat bunuh diri, membuat spekulasi tentang sebab Yudas mati akibat bunuh diri.

Merujuk kepada tradisi Gereja purba, beliau menyatakan bahawa mungkin Yudas memilih untuk membunuh diri kerana harapan bukan kerana putus asa sebaliknya dia berasa terkutuk serta berharap pada belas kasihan Yesus selepas kematian, berfikir bahawa mungkin “neraka boleh menjadi peluang terakhirnya untuk sampai ke syurga.”

Kemudian, Buechner menulis tentang Yesus turun ke neraka seperti berikut: “Ia adalah satu adegan untuk dibayangkan.

Sekali lagi, Yesus dan Yudas bertemu, dua sahabat lama, kedua-duanya kelihatan sedikit letih selepas semua yang telah berlaku, tetapi kali ini Yesus yang memberikan ciuman, dan kali ini bukan ciuman maut yang diberikan.” (*Jeffrey Munroe, Reading Buechner, InterVarsity Press*)

Sebagai orang Kristian, dalam setiap pernyataan kredo kita, kita percaya bahawa selepas kematian-Nya, Yesus “turun ke neraka.” Apakah maksudnya itu?

Konsep popular tentang ini, mengikut bahasa katekismus kita, ikonografi kita, dan dalam kesalehan Kristian, boleh diringkaskan seperti berikut: Selepas dosa Adam dan Hawa, ‘dosa asal’, pintu syurga ditutup, maka dari zaman Adam dan Hawa sehingga kematian Yesus, tiada seorang pun dapat masuk ke syurga.

Namun, dalam kematian-Nya, Yesus menebus dosa-dosa kita dan antara waktu kematian-Nya pada Jumaat Agung dan kebangkitan-Nya pada hari Minggu Paskah, Dia pergi ke alam bawah tanah, *Sheol*, di mana semua orang baik yang telah meninggal sepanjang sejarah sedang menunggu dan Dia membawa mereka ke syurga. Inilah yang dikatakan “turun ke tempat penantian.”

Tetapi, apa pun kebenaran literal dalam tanggapan popular itu, terdapat kebenaran teologi kuat yang mendasari doktrin tersebut.

Pada dasarnya ia adalah seperti berikut:

Tuhan turun ke tempat penantian



Kasih dan belas kasihan yang ditunjukkan oleh Yesus dalam kematian-Nya mempunyai kuasa untuk menembusi neraka itu sendiri, iaitu, tiada “neraka” (fizikal, psikologi, atau rohani) yang boleh kita cipta, yang tidak dapat ditembusi oleh kasih Kristus demi menawarkan penyembuhan bagi luka yang menyebabkan neraka itu sendiri.

Cinta, penyembuhan dan pengampunan Tuhan boleh menembusi mana-mana “neraka” yang kita cipta dan menyembuhkan luka yang menyebabkan neraka itu.

Ini mungkin doktrin yang paling menghiburkan bukan sahaja dalam agama Kristian tetapi dalam semua agama. Apabila kita tidak berdaya untuk membantu orang lain atau diri sendiri, Tuhan masih boleh membantu kita.

Atas sebab inilah orang Kristian tidak percaya kepada kelahiran semula. Tidak perlu. Kita tidak perlu menjadi sempurna sepenuhnya untuk masuk syurga. Apabila kita tidak berdaya, Tuhan masih boleh melakukan untuk kita apa yang kita tidak dapat

lakukan untuk diri sendiri.

Itu adalah penghiburan yang mendalam kerana tidak semua orang mati dengan kematian yang bahagia.

Ramai di antara kita meninggal dalam kemarahan, dalam kepahitan, tidak berdamai sepenuhnya dengan orang lain, dengan urusan jiwa yang belum selesai.

Dan sesetengah daripada kita mati akibat bunuh diri, terperangkap dalam “neraka peribadi” yang disebabkan oleh penyakit dan luka bukan disebabkan kesalahan moral.

Kita percaya kematian kita adalah satu-satunya jalan kita menuju kehidupan.

Doktrin “Yesus turun ke tempat penantian” amat membantu dalam memahami bagaimana mereka yang mati bunuh diri bertemu dengan Tuhan selepas kematian mereka.

Kita sudah lama terlalu risau dan mempunyai anggapan salah tentang tragedi bunuh diri.

Kita takut bahawa bunuh diri adalah kegagalan manusia dan moral yang serius,

merupakan tindakan putus asa serta tidak boleh dimaafkan.

Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes, bunuh diri berpunca daripada penyakit, sebuah penyakit yang tidak dipilih secara bebas.

Seperti kanser, serangan jantung atau kemalangan, ia mengambil seseorang daripada kehidupan bertentangan dengan pilihan komitednya.

Atas sebab ini, kita digalakkan untuk tidak lagi menggunakan frasa “membunuh diri.” Tiada siapa yang “melakukan” kanser atau “melakukan” serangan jantung. Dia “mengalah” kepadanya. Begitu juga bagi kebanyakan kes bunuh diri.

Dengan mengambil kira perkara ini, kita dapat menghargai imej yang digunakan oleh Frederick Buechner dalam spekulasi beliau tentang bunuh diri Yudas dan pertemuannya dengan Yesus di neraka.

Pada dasarnya, menurut pandangan Buechner, inilah yang berlaku antara Yesus dan Yudas: Selepas pengkhianatannya terhadap Yesus, Yudas turun ke neraka peribadi di mana dia merasakan bahawa apa yang telah dilakukannya tidak dapat diampuni dan dia ditakdirkan untuk hidup selamanya dalam kegelapan itu.

Kepalsuan itu, penyakit itu, logik yang salah arah secara maut itu memberitahunya bahawa pergi ke neraka adalah peluang terakhirnya untuk pergi ke syurga.

Jadi, dia mengambil nyawanya sendiri. Selepas kematian-Nya, Yesus menemuinya dalam bayang-bayang neraka yang penuh dengan kekeliruan dan Yesus menciumnya, bukan menghukum atau mengutuk, tetapi menciumnya dalam cinta tanpa syarat, memahami dan mengampuni.

Imej ini, saya percaya, boleh membantu kita memahami apa yang berlaku terhadap mereka yang bunuh diri. Kita sudah lama terperangkap dalam logik yang salah terhadap mereka yang mengambil nyawa mereka sendiri.

Tuhan yang penuh kasih turun ke tempat penantian, menawarkan pengampunan, dan menjemput mereka yang berada dalam “neraka peribadi” bahawa kematian mereka adalah rahmat kepada orang tersayang mereka dan “neraka mungkin menjadi peluang terakhir mereka untuk pergi ke syurga.” **Hakeipta Terpelihara 1999-2025@Fr Ron Rolheiser**

HARI MINGGU BIASA KE-18

PENGKHUTBAH 1: 2; 2:21-23

KOLOSE 3: 1-5; 9-11

INJIL LUKAS 12: 13-21



Hidup ini hanya sementara

Dalam ketiga-tiga bacaan hari ini, tidak terdapat ajaran dalam Kitab Suci yang menilai harta atau kekayaan manusia adalah buruk, hina atau harus dijaui.

Sebab manusia ciptaan Tuhan memerlukan dan berhak memiliki harta yang cukup agar dapat hidup secara wajar.

Memiliki harta yang banyak daripada hasil jerih payah adalah tidak dilarang atau bertentangan dengan kehendak Tuhan.

Tetapi kekayaan yang tersedia di bumi tempat kediaman dan hidup semua orang ini harus digunakan untuk semua penghuninya itu secara wajar.

Dalam Injil Lukas, Yesus memberi ajaran sebagai pegangan hidup kita secara manusiawi dan Kristiani, sebagai sesama makhluk Tuhan dan sebagai saudara satu sama lain.

Pada dasarnya atas dasar kasih kita diajak untuk selalu saling memperhatikan dan menolong.

Yesus bukan melarang orang berusaha memiliki banyak harta, melainkan mengingatkan, agar kita jangan menjadi orang yang tamak, serakah, selalu ingin memiliki banyak untuk diri sendiri.

Ternyata bagi kita kekayaan yang harus kita miliki bukan hanya menurut perhitungan dan pandangan manusia/dunia/masyarakat ini saja, tetapi juga “kekayaan di hadapan Tuhan”.

Di Malaysia misalnya, adanya berjuta-juta kenderaan. Ia memang memudahkan perjalanan tetapi menjadikan lalu lintas sibuk, asap dari kenderaan pula mencemarkkan udara.

Di satu pihak orang mengeluh dan geram akibat kesesakan lalu lintas, di lain pihak pula industri kenderaan bermotor terus meningkat dan jutaan orang yang membelinya.

Perumpamaan yang dinyatakan oleh Yesus dalam Injil, juga relevan dalam keadaan zaman kita sekarang.

Melalui kisah perumpamaan tentang orang kaya: hasil tanah terus bertambah, tetapi tidak ada tempat menyimpannya, maka tuan tanah mendirikan tempat-tempat menyimpan gandum.

Dengan demikian terjaminlah segala miliknya untuk dirinya sendiri bertahun-tahun lamanya.

Ternyata cara berfikir, bersikap dan bertindak seperti itu dianggap bodoh oleh Yesus.

Kekayaan itu memang menggembirakan tetapi ia tidak dapat dibawa ke kubur! Kekayaan tidak menjamin lanjutan hidupnya kerana apabila di hadapan Tuhan, cara pandang dan ukuran nilai adalah berlainan.

Apabila kita hanya memikirkan dan mementingkan diri sahaja, sikap ini menurut Yesus adalah sempit dan sia-sia, tertipu dengan angan-angan sendiri. Mendirikan rumah makin besar, makin indah tetapi rumah itu tidak akan kekal.

Jangan lupa hidup ini sementara sahaja. Semakin kita haus dan lapar akan kekayaan harta untuk diri sendiri belaka, makin tumpullah jiwa kita. Kita tidak lagi haus dan lapar akan kekayaan syurgawi atau Ilahi, yang sebenarnya tersedia juga bagi kita.

Marilah kita berusaha secara sungguh-sungguh membangkitkan, memupuk dan memperdalam rasa haus akan kekayaan abadi di hadapan Tuhan. Makin banyak kita meninggalkan kekayaan untuk kepentingan kita sendiri, dan makin rela membagikan kekayaan kita kepada sesama, akan makin banyak pula kita kumpulkan kekayaan kita di hadapan Tuhan.

Msgr FX Hadisumarta O.Carm

Renungan Kitab Suci bersama Komuniti Orang Asli



SEREMBAN: Pada Julai 20 lalu, sekumpulan umat dari KED St Denis, Gereja Visitation telah menganjurkan Refleksi Firman Tuhan bulan Julai bersama komuniti Orang Asli di Kg Sebir, Batu 6, Seremban.

Refleksi itu dijalankan dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu yang dipimpin oleh Orang Asli, bahasa Inggeris dan bahasa Tamil oleh KED St Denis.

Sesi itu bermula pada jam 4.00 petang hingga 5.00 petang.

Pada jam 6.00 petang, rombongan dan komuniti Orang Asli merayakan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Fr Philip Teh.

Pertemuan Kardinal Sebastian dengan Menteri Besar Kedah dan ulama PAS

PULAU PINANG: Uskup Pulau Pinang, Kardinal Sebastian Francis telah menghadiri jamuan teh petang yang dianjurkan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Nor di pejabat menteri besar menandakan detik pertemuan yang jarang berlaku antara tokoh agama Katolik tertinggi dan dengan kepimpinan sebuah negeri yang diterajui oleh PAS.

Dengan senyuman dan perbualan mesra, Kardinal Sebastian menyampaikan bakul anyaman Penan yang diisi dengan produk makanan tempatan, dan senaskhah dokumen Deklarasi Abu Dhabi mengenai Keamanan Dunia dan Hidup Bersama.

Dokumen itu telah ditandatangani oleh mendiang Sri Paus Fransiskus dan Imam Besar Al-Tayyeb pada tahun 2019, menyeru kepada persefahaman antara agama dan hidup berdampingan secara aman.

“Perjumpaan ini bukan sekadar acara sosial; ia adalah bukti ikatan yang kita jalin apabila iman dan kepimpinan sivik berganding bahu,” ucap Kardinal Sebastian.



Ketua Ulama PAS Kedah, Syeikh Rodi Abdul Rahman juga turut hadir.

Kardinal Sebastian kemudian menjelaskan sejarah singkat komuniti Katolik di Kedah, apabila komuniti Katolik pertama tiba dari Phuket, Thailand, pada tahun 1781, dan penubuhan Gereja Sto Michael pada tahun 1920, yang kekal sebagai asas rohani bagi penganut Katolik sekarang.

Dalam ucapannya, Kardinal Sebastian mengakui kepentingan

memupuk hubungan antara pelbagai agama.

“Kedah adalah negeri yang kaya dengan budaya dan sejarah, dan kepelbagaian inilah yang menjadikan kita lebih kuat,” katanya, sambil menegaskan kepentingan usaha kerjasama antara komuniti agama demi menangani cabaran masyarakat.

Jamuan itu juga mengukuhkan hubungan penganut Katolik tempatan dengan individu dari latar belakang agama yang berbeza.

Ia juga berfungsi sebagai peringatan tentang sumbangan komuniti Katolik kepada budaya Kedah, dari inisiatif pendidikan hingga penyer-taan dalam kegiatan-kegiatan amal.

Dari sudut sejarah, Gereja Katolik di rantau ini bukan sahaja telah menubuhkan Gereja Sto Michael tetapi juga Gereja Kristus Raja di Sg Petani dan Gereja Hati Kudus Yesus di Kulim, serta beberapa kapel di seluruh negeri.

Kardinal Sebastian, mengumumkan rancangan untuk dialog antara agama akan terus diadakan, menggalakkan peserta untuk terlibat dalam perbincangan yang akan memupuk hubungan dan kerjasama yang lebih mendalam.

“Semoga kita terus berusaha untuk mencapai pemahaman dan persahabatan yang lebih besar dalam kalangan komuniti kita,” gesanya, sambil menekankan keperluan perpaduan dalam menangani isu-isu kontemporari. Suasana acara itu dipenuhi dengan optimisme, menandakan visi bersama untuk Kedah yang aman dan inklusif. **media-media tempatan**



Ziarah Harapan: Berjalan bersama dalam sukacita iman

LIMBAHAU, Papar: Seramai 200 orang penziarah telah mengambil bahagian dalam ziarah rohani ke salah sebuah pusat ziarah Keuskupan Agung Kota Kinabalu iaitu Gereja Holy Rosary.

Para peserta ziarah datangnya dari paroki St Augustine Kinarut, KUK Kilimu Chapel Our Lady of the Church (Ranau), St Anthony Tenom, serta umat dari sekitar Papar, Katedral Hati Kudus Kota Kinabalu dan paroki St Michael Penampang.

Dengan cuaca yang sangat baik, program berjalan lancar seperti yang dirancang.

Sebaik sahaja taklimat selesai, para penziarah memulakan aktiviti ‘Pilgrims Walk’ yang membawa mereka menyusuri perjalanan rohani di sekitar kawasan ziarah.

Sesuai dengan penekanan kepada tema ekologi, para penziarah melalui tujuh perhentian, dan di setiap perhentian mereka diajak untuk merenung cinta kasih dan kebaikan Tuhan melalui peristiwa penciptaan dalam Kitab Kejadian.

Renungan ini memperdalam kesedaran bahawa seluruh ciptaan adalah tanda kehadiran dan kasih Tuhan yang harus dihargai dan dilindungi.

Seterusnya, para penziarah menonton tayangan video sejarah paroki Limbahau dan mengikuti sesi katekesis ekologi, yang menekankan tanggungjawab umat untuk menjaga alam ciptaan sebagai sebahagian daripada iman Kristian.

Ziarah diakhiri dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Fr Gilbert Markus.

Dalam homilinya, Fr Gilbert mengingatkan bahawa ziarah bukan sekadar untuk ‘makan angin’, tetapi merupakan satu perjalanan iman yang membawa harapan.

Paderi itu menegaskan bahawa setiap ziarah seharusnya mengubah dan memperbaharui kehidupan rohani seseorang, menjadikannya lebih dekat dengan Tuhan dan ciptaan-Nya.

Fr Markus berharap agar para penziarah dapat menemui hubungan antara Iman, Harapan, dan Kasih. Ketiga-tiganya adalah anugerah Roh Kudus.

“Semoga apabila kita pulang dari ziarah ini, harapan agar dapat kembali ke rumah. Selepas itu, menyusul kasih dan iman memperkuat hubungan kita dengan sesama dan Tuhan,” kata Fr Markus.

Syabas! Misi Paitan bentuk Komiti Kateketikal pertama

PAITAN, Sandakan: “Diperlengkapi untuk Menjadi Pengurus yang Baik” (1 Petrus 4:10–11) merupakan tema bagi rekoleksi pertama Katekis Pembimbing Sekolah Minggu dan Inisiasi Kristian Dewasa (IKD) dan buat pertama kalinya, Komiti Kateketikal Misi Paitan telah dibentuk.

Program yang telah berlangsung selama tiga hari ini, diadakan Gereja Sto Francis of Assisi, dihadiri oleh 25 orang Katekis Pembimbing Pertemuan Minggu Gembira (PMG) dan Inisiasi Kristian Dewasa (IKD) dari pelbagai kapel di Misi Paitan.

Rekoleksi ini penting kerana ia merupakan pembentukan Komiti Kateketikal yang pertama di Misi Paitan, yakni satu usaha penting dalam meneruskan nadi komuniti beriman.

Program ini merupakan inisiatif penting untuk memperbaharui semangat pelayanan para katekis serta memperkasa pelayanan kateketikal di Misi Paitan.

Program dimulai dengan sesi pendaftaran disusuli dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Arthur John.

Sesi pertama, “Diperlengkapi untuk menjadi pengurus yang baik” oleh Sr Rose Camilus Ginibun FSIC.

Dalam sesi ini, Sr Rose menekankan bahawa menjadi seorang katekis harus bermula dengan menjadi pengurus yang berkualiti menurut firman Tuhan.

Seorang katekis juga harus melengkapkan diri dengan doa, sifat pengasih, kesederhanaan, penguasaan diri, motivasi, integriti, dan kesediaan untuk melayani menurut bimbingan Roh Kudus.

Dalam sesi kedua, “Kita Dibaptis dan diutus”, penceramah menekankan bahawa setiap katekis dipanggil untuk menyahut panggilan mandat pembaptisan, menjadi milik Kristus dan diutus ke tengah komuniti sebagai saksi iman yang membawa cahaya Kristus ke dalam masyarakat.

Sr Rose kembali dalam sesi ketiga, “Panggilan dan Peranan Katekis Pembimbing di Paitan” yang membicarakan kepentingan peranan AJK dalam Komiti Kateketikal dan menerangkan tanggung jawab mereka.

Pembentukan Komiti Kateketikal Misi Paitan yang pertama diadakan pada hari kedua.

Sebelum itu, Sr Rose telah memimpin para Katekis Misi Paitan dalam satu doa panggilan dan renungan peribadi.

Dengan terbentuknya Komiti Kateketikal Misi Paitan, ia bukanlah akhir daripada rekoleksi ini, namun akan diteruskan seperti Injil Yohanes 20:21 “Sama seperti Bapa mengutus Aku demikian juga sekarang Aku mengutus kamu.”

Rekoleksi dan Pembentukan Komiti Kateketikal Misi Paitan diakhiri dengan Misa Kudus dan pengutusan para katekis yang dipimpin oleh Fr Arthur. **Komiti Kateketikal Misi Paitan**



Sahabat kecil Yesus

Cari TUJUH perbezaan pada gambar di bawah.

Hari Minggu Kateketikal
Ogos 3, 2025
Tema: Kita Dapat Menjadikan Dunia Ini
Tempat Yang Lebih Baik (Flp 2:4)

Mari Mewarna



Grafting A Green World

Anak-anak yang dikasihi,
Selalunya orang mudah percaya bahawa jika kita mempunyai lebih banyak wang, kita akan hidup lebih gembira dan tidak mempunyai banyak masalah.
Ini menyebabkan ramai orang menghabiskan banyak waktu dan tenaga untuk mengumpul lebih banyak wang dan harta.
Ramai yang asyik mencari wang sehingga tidak peduli cara mendapatkan wang itu berkenan di mata Tuhan atau tidak.
Anak-anak, mempunyai wang dan harta yang banyak. Namun setiap kelebihan dan kekayaan seharusnya kita kongsi dengan mereka yang sangat memerlukan.
Kebahagiaan sejati hanya boleh ditemui dalam Yesus.
Yesus memberi amaran terhadap perkara ini. Dia berkata, "Awat! Berjaga-jagalah terhadap segala jenis ketamakan; kerana hidup seseorang tidak bergantung pada kelimpahan hartanya."
Dalam Injil pada hari Minggu ini, Yesus menceritakan kisah seorang lelaki yang tanahnya telah menghasilkan bijirin begitu banyak sehingga dia tidak mempunyai tempat untuk menyimpannya.
Lelaki kaya itu membina gudang yang lebih besar untuk menyimpan semua bijirin itu.
Yesus berkata lelaki itu bodoh, kerana apabila hidupnya berakhir, dia tidak akan dapat membawa bijirin yang banyak itu bersamanya. Dia akan meninggalkan dunia ini dengan tangan kosong.
(Lukas 12:15-21)
Anak-anak, Tuhan telah berjanji untuk memenuhi semua keperluan kita, tetapi Dia tidak berjanji untuk memenuhi setiap keinginan yang mementingkan diri. Awat! Berjaga-jagalah terhadap segala jenis ketamakan (Lukas 12:15).

Salam sayang
Antie Melly

Perkataan-perkataan di bawah mempunyai huruf yang tidak lengkap. Rujuk pada kosa kata dan lengkapkan.

Kosa Kata

T	A	M			
G		N	D		
		H	A	T	A
F	I	R			
	H	I	D		
		T	H		N

HIDUP
TAMAK
TUHAN
GANDUM
HARTA
FIRMAN



BELIA

Kerasulan Belia Kuantan sambut ratusan penziarah muda

KUANTAN: Gereja Sto Thomas menjadi riuh dengan kehadiran lebih seratus belia dari seluruh Keuskupan Agung Kuala Lumpur untuk perjalanan rohani yang istimewa mereka pada Julai 12 lalu.

Ini bukan sekadar perjalanan — ia adalah ziarah yang tulus ikhlas untuk berkembang dalam iman dan komuniti, juga sebagai menyambut Tahun Jubli 2025.

Sebagai pusat ziarah yang ditetapkan untuk Pantai Timur, Sto Thomas adalah tempat yang sempurna untuk berkumpul dan bertemu Tuhan dengan cara yang lebih mendalam.

Acara ini dianjurkan oleh Pejabat *Single Adult* Keuskupan Agung (ASAYO) dan Kerasulan Belia Sto Thomas.

Program bermula dengan makan tengah hari, diikuti taklimat daripada Kerasulan Belia St Thomas serta sesi pujian dan penyembahan.

Seterusnya: permainan! Tetapi bukan sekadar untuk berseronok tetapi ia menyatukan para belia yang saling tidak mengenali,



mengeratkan hubungan melalui kerja berpasukan.

ASAYO kemudian menyampaikan penerangan singkat mengenai kisah Sto Thomas Rasul. Perjalanan Sto Thomas yang meskipun pada mulanya berasa ragu namun akhirnya percaya menjadi ajakan renungan bagi para peserta.

Pada sebelah petang, paderi

paroki Sto Thomas, Fr George Packiasamy, berkongsi kisah di sebalik gereja dan legasi Sto Thomas, mengingatkan para peserta tentang kuasa iman yang dapat mengubah pelbagai perkara.

Para penziarah kemudiannya dibawa melawati sekeliling Gereja Sto Thomas dan berdoa di ruang-ruang indah di kawasan Gereja.

Sebelum menyertai Misa Kudus, para peserta terlebih dahulu mengikuti Saat Teduh dan Novena di hadapan Sakramen Mahakudus.

Acara kemuncak, Misa Jubli Belia dipimpin oleh Fr Simon Lau dan Fr Michel Dass dari ASAYO, bersama dengan Fr George.

Dengan muzik yang membangkitkan semangat, doa

yang tulus ikhlas, dan penyertaan penuh daripada golongan belia, Misa menjadi pertemuan yang berkuasa dengan Kristus — hidup dalam Firman, Sakramen, dan komuniti.

Program ini diakhiri dengan gambar berkumpulan dan makan malam dalam suasana persahabatan.

Pertemuan pertama sukarelawan WYD 2027

SEOUL: Buat pertama kalinya, wakil sukarelawan dari semua 27 pasukan yang sedang membuat persiapan untuk Hari Belia Sedunia (WYD) Seoul 2027, telah mengadakan pertemuan.

Perjumpaan itu menandakan satu pencapaian penting dalam perjalanan Gereja ke arah menyalurkan belia dari seluruh dunia ke Korea.

Perjumpaan itu dianjurkan atas inisiatif sukarelawan sendiri, yang bertujuan untuk meningkatkan komunikasi, perpaduan dan kerjasama

antara pelbagai komponen yang bergerak di sebalik acara global yang bersejarah itu.

Setiap pasukan berkongsi peranan uniknya dalam perediaan menjelang tahun 2027 dan bertukar idea tentang cara untuk terus bekerjasama.

Pertemuan itu bukan sahaja bersifat strategik — ia sangat rohani, diilhamkan oleh kunjungan delegasi dari Dikasteri untuk Orang Awam, Keluarga dan Kehidupan, sebagai sebahagian daripada sokongan berterusan mereka untuk pe-

layan belia.

Dr Gleison De Paula Souza, Setiausaha Dikasteri, menyampaikan kata-kata dorongan yang tulus kepada para sukarelawan.

Katanya, “Sentiasalah bersaksi tentang Kristus dengan senyuman! Sebelum apa-apa lagi, berdoalah kepada Kristus sebelum anda berkhidmat!”

“WYD adalah sesuatu yang mesti kita bina bersama—kita semua: uskup, paderi, biarawan dan biarawati, dan anda, umat beriman.

“Jemputlah semua orang. Ucapkan ‘selamat datang’ kepada mereka yang berada di sebelah anda sekarang, mereka yang akan datang kemudian dan juga mereka yang mungkin hanya tiba pada penghujung WYD. Dengan bersama, kamu adalah satu.”

Sementara itu, Salib dan Ikon WYD—terus melakukan ziarah di seluruh Asia. LiCAS News



Ekaristi adalah sumber kekuatan iman



TELIPOK: Gereja Holy Family bersukacita menyaksikan seramai 32 orang remaja berumur 13 tahun, menerima Komuni Pertama mereka dengan penuh hormat.

Misa Kudus dipimpin oleh Fr Postinus Kurup yang menjelaskan kepada penerima Komuni Pertama bahawa dengan menerima Tubuh dan Darah Kristus, mereka akan semakin disemangati oleh Roh Kudus di dalam kehidupan sehari-hari melalui cara berfikir, bertindak, berkata-kata dan bergaul supaya menjadi pengikut Yesus yang sejati.

Katanya lagi, Ekaristi atau komuni kudus adalah hadiah

agung Yesus untuk kita.

“Melalui Ekaristi, Yesus akan datang dan senantiasa tinggal bersama kita. Dia akan tinggal bersamamu selama-lamanya!”

“Dan kerana Yesus adalah Tuhan, Dia dapat membantumu di mana saja dan bila-bila sahaja kamu memerlukan pertolongan.”

Paderi itu juga berpesan kepada mereka termasuk semua umat agar sentiasa mengingati bahawa Yesus telah berkorban nyawa untuk menebus kita seraya mengingatkan kepada umat bahawa “Ekaristi adalah sumber kekuatan iman kita.” Evelyn Justin

Berita singkat antarabangsa

Bapa Suci mendoakan mangsa pesawat Bangladesh

VATIKAN: Sri Paus Leo berkata beliau "amat sedih" dengan berita nahas pesawat di Bangladesh.

Seramai 31 orang terbunuh selepas jet pejuang milik tentera udara Bangladesh terhempas ke dalam Sekolah dan Kolej Milestone di Dhaka.

Dalam telegram yang dihantar pada Julai 22, Sri Paus Leo berkata beliau "mempercayai mereka yang terkorban kepada kasih sayang yang penuh belas kasihan daripada Yang Maha

Kuasa".

Pesan itu, yang ditandatangani oleh Setiausaha Negara Takhta Suci, Kardinal Pietro Parolin, menambah bahawa Sri Paus "berdoa agar keluarga dan rakan-rakan mereka dapat ditenangkan dalam kesedihan mereka, dan untuk penyembuhan dan kesembuhan mereka yang cedera".

Bapa Suci juga mendoakan seluruh komuniti sekolah dan semua yang terjejas oleh tragedi ini, agar diberikan rahmat kekuatan. Media Vatikan

Sri Paus, presiden Palestine bincang tragedi kemanusiaan

JALUR GAZA: Tragedi kemanusiaan di Semenanjung Gaza dan keperluan bantuan segera adalah sebahagian daripada perbincangan antara Sri Paus Leo XIV dan Mahmoud Abbas, presiden Palestine dan Pihak Berkuasa Kebangsaan Palestin.

Abbas menelefon Bapa Suci pada Julai 21 "berhubung perkembangan terkini dalam konflik di Semenanjung Gaza dan keganasan di Tebing Barat," kata pejabat akhbar Vatikan dalam satu kenyataan.

"Semasa panggilan telefon, Bapa Suci mengulangi rayuannya agar undang-undang kemanusiaan antarabangsa dihormati sepenuhnya, dengan menekankan khususnya kewajipan untuk melindungi orang awam dan

tempat suci, larangan penggunaan kekerasan tanpa pandang bulu dan pemindahan penduduk secara paksa," pejabat akhbar menulis.

Dalam panggilan telefon antara Sri Paus Leo dan Abbas, pejabat akhbar Vatikan menjelaskan bahawa Takhta Suci dan Palestine sedang meraikan ulang tahun ke-10 perjanjian komprehensif mereka yang ditandatangani pada Jun 26, 2015, dan berkuat kuasa pada tahun 2016.

Perjanjian itu mengiktiraf Palestine sebagai negara merdeka, mewujudkan hubungan diplomatik, dan ia mengawal hak serta kewajipan Gereja Katolik di kawasan di bawah Pihak Berkuasa Kebangsaan Palestine. Media Vatikan

Gereja di Manila buka gelanggang dan dewan bantu mangsa banjir

MANILA: Yayasan Katolik di bandar Quezon, Manila, sedang menempatkan 700 orang yang kehilangan tempat tinggal akibat hujan monsun lebat selama beberapa hari.

Fr Geowen Porcincula, pengarah eksekutif Yayasan Vincentian mengatakan mereka berusaha untuk membantu seramai mungkin orang yang kehilangan tempat tinggal.

"Kami dapat memberikan sedikit bantuan tetapi ramai yang masih memerlukan pertolongan. Kami menggalakkan

semua orang, yang mampu dan mempunyai keupayaan, untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang terdedah kepada kesan krisis iklim," katanya.

Komuniti Perumahan Buluh Yayasan membuka gelanggang tertutup dan dewan pelbagai guna pada Julai 21 bagi menampung mangsa pemindahan dari kawasan rendah Barangay Bagong Silangan, salah satu komuniti yang paling terdedah kepada banjir di Bandar Quezon. LiCAS News

Festival koir Jakarta mempromosi budaya dan persaudaraan

JAKARTA: Festival Koir Gereja Katolik Wilayah 2025 (Pesparani) Autonomi Khas Jakarta diadakan di Paroki Kristus Raja Pejompongan pada Julai 19 lalu.

Di bawah tema "Marilah Kita Merayakan Semangat Iman, Budaya dan Persaudaraan," acara ini melambungkan perpaduan komuniti Katolik melalui seni liturgi dan muzik suci.

Fajar Eko Satriyo, Ketua Biro Pendidikan dan Hal Ehwal Kerohanian Kerajaan Wilayah Jakarta, secara rasmi membuka

majlis tersebut, mencerminkan sokongan kuat kerajaan terhadap pembentukan rohani dan budaya umat Katolik.

Upacara pembukaan dimulakan dengan Misa yang dipimpin oleh Fr Samuel Pangestu, Vikaris Jeneral Keuskupan Agung Jakarta, diikuti dengan paluan gong.

Pesparani adalah ruang untuk ekspresi iman dan cara membentuk karakter agama Katolik. Ia selaras dengan visi Keuskupan Agung Jakarta untuk mempromosikan kesederhanaan agama. LiCAS News

Tuhan tidak 'hilang' di Gaza

SEMENANJUNG GAZA: Di tengah-tengah kemusnahan kompleks Gereja Keluarga Kudus di Gaza akibat dibom tentera Israel, Kardinal Pierbattista Pizzaballa dan Patriark Ortodoks Yunani Theofilos III tetap mengadakan lawatan ke kawasan itu pada Julai 18-20 lalu.

Kardinal Pierbattista Pizzaballa dan Patriark Theofilos III berkata di sebalik runtuhannya kompleks Gereja itu, mereka menemui sesuatu yang lebih kekal – "maruah semangat manusia."

"Kami menemui sesuatu yang lebih mendalam daripada kemusnahan: maruah semangat manusia yang tidak dapat dipadamkan."

"Kami bertemu ibu-ibu yang menyediakan makanan untuk orang lain, jururawat yang merawat luka dengan kelembutan, dan orang dari semua agama," kata Kardinal Pizzaballa.

Kristus tidak pernah hilang di Gaza. Dia ada di sana – disalib yang terluka, tertimbus di bawah runtuhan namun hadir dalam setiap tindakan belas kasihan, setiap lilin yang menyala dalam kegelapan, setiap tangan yang dihulurkan kepada yang menderita.

Kedua-dua pemimpin Gereja itu menggambarkan jumlah besar "orang yang kelaparan dan kelihatan lapar," yang mereka lihat terdampar di sepanjang jalan dan barisan panjang orang menunggu makanan semasa mereka dalam perjalanan ke kawasan Gereja.

Harga makanan di pasaran gelap melonjak naik, telah menjadikan



Kardinal Pierbattista Pizzaballa dan Patriark Ortodoks Yunani Theofilos III melawat kompleks Gereja Keluarga Kudus, Gaza.

pemakanan asas tidak mampu dimiliki, memburukkan lagi keadaan kesihatan, terutamanya bagi warga emas dan kanak-kanak. Ini sangat menyedihkan," kata Kardinal Pizzaballa.

Prelatus itu mengatakan, "Kami juga melihat, ramai lelaki berjemur di bawah matahari selama berjam-jam dengan harapan mendapat makanan yang ringkas."

"Ini adalah penghinaan yang sukar ditanggung apabila anda melihatnya dengan mata sendiri. Ia tidak boleh diterima secara moral!"

Patriark Theofilos menggelar pemandangan itu sangat menyedihkan.

"Kami bertemu dengan orang yang hancur oleh beban perang, namun membawa imej Tuhan dalam diri mereka.

Beliau merayu kepada pemimpin dan komuniti global dan menegas-

kan sikap berdiam diri di tengah-tengah penderitaan manusia adalah "pengkhianatan terhadap hati nurani."

Patriark Theofilos menyampaikan kata-kata solidariti kepada "anak-anak Gaza," meyakinkan mereka bahawa Gereja berdiri bersama mereka dalam kesakitan dan penderitaan mereka.

Beliau berkata bahawa selepas pulang dari Gaza, mereka mengadakan "mesyuarat dengan Duta Besar AS ke Israel, Mike Huckabee untuk membincangkan isu-isu terkini."

Kardinal Pizzaballa menggesa Presiden AS, Donald Trump dan pemimpin dunia lain untuk "proaktif dan memainkan peranan penting bagi menghentikan kemusnahan ini serta menamatkan perang yang telah berlangsung selama 22 bulan." Media Vatikan

Komitmen Gereja Katolik Thailand untuk golongan pekak

BANGKOK: Umat Katolik yang pekak dan kurang pendengaran berkumpul di Gereja Sto Louis di Bangkok pada Julai 20 lalu, untuk acara "Rumah Terbuka" khas bagi meraikan Jubli Gereja 2025: Penziarah Harapan.

Acara itu mengalu-alukan peserta dari seluruh Bangkok dan sekitarnya, menonjolkan komitmen Gereja yang semakin meningkat terhadap kebolehpasaran, inklusif dan penjagaan pastoral untuk

salah satu komunitinya yang selalu diabaikan.

Fr Peter Bhuravaj Searaariyah, paderi penaung bagi Persatuan Katolik Tuli Thailand, memberitahu LiCAS News bahawa perhimpunan itu bertujuan untuk menangani rasa terasing yang dialami oleh ramai individu tuli dan kurang pendengaran, terutamanya dalam persekitaran keagamaan di mana halangan komunikasi kekal tinggi.

"Perhimpunan ini bukan sahaja

saat kegembiraan dan perpaduan," kata Fr Peter, "tetapi juga tindak balas pastoral terhadap keperluan mendalam orang berasa terasing di Gereja kita."

Dilantik oleh Persidangan Uskup Katolik Thailand (CBCT) sebagai penyelaras kebangsaan untuk pelayanan kepada orang-orang pekak, Fr Peter juga mengetuai usaha untuk meningkatkan akses melalui tafsiran bahasa isyarat, perkongsian Alkitab, doa rosari, retreat dan persekitaran ibadat yang lebih mesra untuk golongan tersebut.

Beliau juga sedang menyiapkan versi "bahasa gambar" unik Alkitab untuk lebih mudah diakses oleh penganut Katolik yang pekak.

Fr Peter menyatakan meskipun ada kemajuan namun masih banyak cabaran. Ramai penganut Katolik yang pekak berhenti menghadiri Misa kerana mereka tidak dapat memahami.

Namun Gereja Katolik di Thailand akan berusaha memberi tumpuan untuk membantu individu pekak lebih-lebih lagi, mereka yang menyambut Kongres untuk Orang-orang Pekak di Korea Selatan pada tahun hadapan. LiCAS News



HARI MINGGU KATEKETIKAL OGOS 3, 2025

Saudara-saudari umat Tuhan yang dikasihi,

Semasa kita menuju ke Perhimpunan Pastoral Malaysia (MPC) 2026, sebagai Gereja Malaysia, kita terus memberi tumpuan kepada aspek Keluarga, Gereja, Ekologi, dan Masyarakat dalam komuniti paroki, kerasulan dan KED/KKD.

Pada tahun 2025, bidang fokus utama ialah Ekologi dan Komuniti. Setelah merenungkan bidang fokus ini berhubung dengan pelayanan katekesis, Komisi Kateketikal Malaysia (SKM) telah memilih tema “Kita Boleh Menjadikan Dunia Tempat yang Lebih Baik” untuk Hari Minggu Kateketikal 2025.

Tema ini mengingatkan kita akan kata-kata Sto Paulus: “Janganlah setiap orang di antara kamu hanya mementingkan diri sendiri, tetapi juga kepentingan orang lain” (Fil. 2: 4).

Sebagai orang Kristian, kita dipanggil untuk melakukan peranan kita untuk menjadikan dunia tempat yang lebih baik. Ini adalah sebagai respons kepada perintah Yesus kepada pengikut-Nya untuk “saling mengasihi” (Yohanes



Pesan dari Presiden Episkopal Komisi Kateketikal Malaysia

13:34). Oleh sebab itu, kita dipanggil untuk mempromosikan keadilan sosial, yang melibatkan menangani punca kemiskinan, ketidakadilan, dan keagresifan.

Pada masa yang sama, Gereja mengajar bahawa “keadilan sejati melampaui sekadar amal”.

Ia memerlukan umatnya untuk berusaha ke arah perubahan sistem dengan melibatkan diri dalam proses politik, menyokong amalan buruh yang adil dan menyokong dasar yang melindungi alam sekitar.

Satu lagi aspek penting dalam menjadikan dunia tempat yang lebih baik ialah pengurusan alam sekitar.

Dalam *Laudato Si'*, Sri Paus Fransiskus menyeru kepada usaha kolektif untuk menangani kemerosotan alam sekitar dan perubahan iklim dengan memupuk rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Dalam hal ini, pendidikan secara umum, dan katekesis dalam Gereja, memainkan

peranan penting dalam membentuk individu yang komited untuk memberi impak positif dalam bidang ekologi dan masyarakat.

Pendidikan dan katekismus mesti bermula di rumah di mana ibu bapa memainkan peranan sebagai pendidik utama dan katekismus pertama kepada anak-anak mereka. Begitu juga, komuniti Kristian lain, seperti paroki, KED/KKD, institusi dan organisasi Katolik juga dipanggil untuk melengkapkan golongan muda kita bagi menangani isu dan cabaran dalam bidang ini.

Seperti yang telah diumumkan dalam Kenyataan Pastoral oleh Konferensi para Uskup Katolik Malaysia bertarikh Oktober 7, 2024, Hari Minggu Kateketikal telah dipindahkan dari Hari Minggu keempat bulan Januari ke Hari Minggu pertama bulan Ogos.

Oleh itu, pada tahun ini, Hari Minggu

Kateketikal jatuh pada Ogos 3, 2025.

Untuk membantu kita memupuk kesedaran yang lebih besar tentang pelayanan katekesis, MCC telah menyediakan sumber-sumber yang relevan yang boleh digunakan untuk renungan dan kajian.

Sumber-sumber ini juga boleh digunakan untuk menganjurkan acara dan program untuk Hari Kateketikal, dan sepanjang bulan Ogos. Sumber-sumber ini termasuk Pesan Minggu Kateketikal, Ritus Perlantikan Katekis, e-Poster dan Kit Minggu Kateketikal.

Sebagai kesimpulan, bagi pihak Uskup Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada paderi paroki, penyelaras kateketikal, katekis, ibu bapa, penjaga dan semua yang terlibat dalam pelayanan katekesis. Semoga Yesus Kristus, Gembala Baik, memimpin dan membimbing kita.

Saudara dalam Kristus,
+Rt Rev Joseph Hii Teck Kwong, D.D.
Presiden Episkopal
Komisi Kateketikal Malaysia

Tema Minggu Kateketikal tahun ini memberi kita soalan yang sangat mencabar: Sebagai umat Kristian apakah yang dapat kita lakukan untuk menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik?

Kita dengar nasihat rasul Paulus; “*Tiap-tiap seorang daripada kamu janganlah menjaga kepentingan diri sahaja, jagalah juga kepentingan orang lain.*” (Flp 2:4). Paulus mendedah umat Kristian di Filipi supaya mengasihi satu sama lain.

Dalam ayat 4, rasul itu memberi penekanan bahawa sebagai orang Kristian kita seharusnya tidak mementingkan diri sendiri. Kita harus prihatin terhadap keperluan orang lain dan bukan hanya mementingkan keperluan peribadi kita. Dalam erti kata lain, kita bersedia berkongsi dengan sesama dan ambil peduli terhadap orang lain.

Dalam perspektif Katolik, usaha menjadikan dunia menjadi tempat yang lebih baik adalah berdasarkan pada ajaran Tuhan Yesus dalam Kitab Suci dan ajaran Gereja yang memberi penekanan pentingnya cinta kasih, pelayanan dan tanggungjawab moral. Ia mendorong setiap individu supaya melibatkan diri secara aktif dalam komuniti serta memupuk semangat belas kasihan dan keadilan.

Perintah “*saling mengasihi*” (Yoh 13:34) merupakan intipati ajaran Katolik. Katekismus Gereja Katolik menekankan bahawa mengasihi sesama tidak dapat dipisahkan daripada mengasihi Tuhan (KGK 1878). Umat Katolik diajak untuk mempromosikan keadilan sosial, serta bagaimana mengatasi punca utama kemiskinan, ketidakadilan dan keagresifan.

Gereja mengajarkan bahawa keadilan sebenar melangkawi amal kasih, ia memerlukan perubahan secara sistematik, melibatkan proses politikal, menyokong amalan buruh yang adil, dan berjuang untuk dasar-dasar yang melindungi alam sekitar.

Satu lagi aspek kritikal untuk menjadikan dunia tempat yang lebih baik adalah penjagaan alam sekitar. Gereja mengakui kewajiban moral untuk menjaga ciptaan Tuhan, seperti yang dinyatakan dalam ensiklik Sri Paus Fransiskus *Laudato Si'*.

Dokumen ini menggesa usaha bersama untuk menangani kemerosotan alam sekitar dan perubahan iklim, menyeru umat Katolik untuk melaksanakan amalan mampan dan menyokong dasar-dasar yang melindungi bumi ini untuk generasi yang akan datang, dengan memupuk sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk individu yang komited

Memilih cinta demi dunia yang lebih baik



untuk memberi impak positif. Pendidikan harus bermula dari rumah, dan ibu bapa memainkan peranan paling penting untuk mendidik anak-anak mereka di usia muda.

Menanamkan nilai-nilai belas kasihan, integriti dan melayani dalam kalangan kanak-kanak dan belia dalam keluarga dan juga di kelas kateketikal. Institusi dan organisasi Katolik memainkan peranan penting untuk mempersiapkan pemimpin-pemimpin masa depan yang bersedia untuk menangani cabaran-cabaran kemasyarakatan.

Pendekatan holistik terhadap pendidikan ini adalah penting untuk memupuk generasi yang mengutamakan kebaikan bersama dan berusaha untuk mewujudkan dunia yang lebih baik.

Dalam audiensi umumnya di Vatikan pada Disember 30, Sri Paus Fransiskus menekankan kepentingan untuk mengakui kemanusiaan kita bersama dan bertindak dengan sikap bersyukur dan kebaikan sebagai dasar untuk menjadikan dunia tempat yang lebih baik. Beliau menggalakkan setiap individu untuk melihat satu sama lain sebagai saudara, mempromosikan semangat persaudaraan di kalangan semua orang.

Beliau juga menekankan sikap bersyukur sebagai amalan hidup Kristian yang tulen. Beliau percaya bahawa dengan amalan “sikap bersyukur” dapat menyumbang untuk memperbaiki dunia dengan ketara. Dengan ungkapan terima kasih dan penghargaan, setiap individu dapat memupuk persekitaran

yang positif yang menggalakkan kebaikan dan kemurahan hati.

Dalam ensikliknya *Fratelli Tutti*, Sri Paus Fransiskus menjelaskan visi persaudaraan global, di mana semua orang dipanggil untuk bekerjasama demi kebaikan bersama.

Beliau menekankan bahawa membina dunia yang lebih baik memerlukan usaha kolektif dan komitmen terhadap keadilan sosial, menggesa orang ramai untuk bertindak dengan belas kasihan dan membela golongan yang terpinggir.

Beliau menekankan bahawa dalam rumah kita bersama semua hidup sebagai satu keluarga dan mencadangkan tindakan konkrit untuk memulihkan dunia. Beliau bercakap tentang awan gelap yang membayangi dunia hari ini. Jalan harapan yang akan membawa kita keluar dari awan gelap ini adalah Cinta Kasih, Keadilan, dan Solidariti.

Ketiga-tiga nilai-nilai murni ini di temui di seluruh Ensiklik, yang memberi kita sedikit gambaran mengenai ajaran sosial Gereja yang diterapkan dalam situasi-situasi konkrit.

Dalam Tahun Jubli Harapan ini, Sri Paus Fransiskus mengajak kita untuk menjadi penziarah harapan, dan beliau menggalakkan semua orang untuk memilih cinta kasih dalam dunia yang dilanda peperangan, ketidakadilan sosial, dan pelbagai bentuk keagresifan.

“Kita memilih cinta kasih, dan cinta kasih membuat hati kita bersungguh-sungguh dan penuh harapan.” Cinta kasih boleh

diungkapkan melalui kebaikan hati, katanya, “yang membuka hati untuk penerimaan dan membantu kita menjadi lebih bersikap rendah hati.” Kerendahan hati, sambungnya, “membawa kita untuk berdialog, membantu kita mengatasi salah faham, dan mewujudkan sikap bersyukur.

Tidak dapat dinafikan bahawa untuk menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik adalah sangat sukar untuk dicapai. Bagi sesetengah orang ia adalah mustahil untuk dicapai. Yesus menyatakan kepada para murid-Nya; “*Bagi manusia hal itu mustahil, tetapi tidak bagi Tuhan; tidak ada satu pun yang mustahil bagi Tuhan.*” (Markus 10:27).

Kata-kata Yesus ini memberi kita harapan untuk melakukan tugas yang mustahil jika kita mempunyai iman dan menaruh kepercayaan kita kepada Tuhan. Yesus berkata; “*Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, sekiranya kamu mempunyai iman sebesar biji sawi, kamu dapat berkata kepada gunung ini, ‘Beralihlah ke situ! maka gunung itu akan beralih. Tidak ada satu pun yang mustahil bagi kamu.*” (Matius 17:20).

Tuhan memberi kita jaminan bahawa dengan kuasa Tuhan segala sesuatu adalah mungkin. Kita dapat menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik dengan rahmat Tuhan. Kita berdoa agar Roh Kudus memberi inspirasi kepada semua orang Kristian untuk menjadi agen keamanan, keadilan, dan belas kasihan, untuk mengubah dunia menjadi refleksi Kerajaan Tuhan. **Fr Boniface Kimsin**

Untuk Hidup Bersama:
Marilah kita berdoa agar masyarakat di mana kehidupan bersama kelihatan sukar, agar tidak tunduk kepada godaan berkonfrontasi atas sebab etnik, politik, agama atau ideologi.

KOTA KINABALU: Sempena Tahun Jubli Harapan, Uskup Agung John Wong mengetuai para klerus dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu dalam Ziarah Harapan Klerus selama dua hari dari Jun 23 hingga 24.

Ziarah itu menjejaki semula perjuangan Msgr August Wachter dan para misionari Mill Hill yang telah martir.

Fr Cosmas Lee, yang juga penulis buku *"The Ultimate Sacrifice"* telah menjadi pembimbing utama ziarah tersebut.

Sempena memperingati ulang tahun ke-80 para martir di Sabah, ziarah itu dimulakan dengan Ibadat Pagi di Katedral Hati Kudus di Kota Kinabalu, apabila para paderi, bersama Uskup Agung, memohon rahmat Tuhan untuk memperbaharui pelayanan mereka dengan keberanian dan ketabahan.

Dari situ, paderi-paderi itu berangkat ke St Michael di Penampang, tempat di mana Msgr Wachter bersama lima orang misionari dan tiga orang pembantu tempatan, telah ditangkap oleh askar Jepun pada Mei 19, 1945.

Berdiri di atas tanah bersejarah ini, para paderi menyampaikan kesyukuran dan penghormatan yang tulus ikhlas atas keberanian dan iman para martir.

Ziarah diteruskan ke Gereja St Joseph di Papar, di mana Msgr Wachter dan para misionari yang telah ditahan selama kira-kira seminggu sebelum diarahkan berjalan ke Tenom.



Klerus menelusuri jejak martir Sabah

Walaupun mungkin mereka menggunakan kereta api atau troli dalam sebahagian perjalanan namun perjalanan sejauh 63 batu itu sangat melelahkan, terutamanya bagi Msgr Wachter yang sudah tua dan Fr Unterberger yang sakit.

Di Gereja Holy Rosary, Limbahau, para klerus mengingati Fr Franz Flür, yang ditangkap oleh Jepun pada Mei 20, 1945.

Para paderi berdoa agar kematiannya menjadi inspirasi kekal bagi semua paderi untuk hidup dan berkhidmat dengan keyakinan dan cinta.

Ketika berada di Gereja St Patrick, Kinuta, para paderi memberi penghormatan kepada Fr Raich

dan Fr Paul Michael, yang telah ditangkap dan kemudian dibunuh. Para paderi berdoa agar legasi iman mereka dapat kekal dalam kehidupan keimanan mereka.

Ziarah itu berakhir di Gereja St Anthony di Tenom, berhampiran tempat Fr Paul Michael meninggal dunia akibat keletihan dan malaria pada Jun 20, 1945.

Di daerah inilah Msgr Wachter, para misionari dan rakan-rakan mereka yang tinggal, dipercayai telah dibunuh pada awal Julai 1945.

Para paderi mempersembahkan doa untuk kesejahteraan roh mereka, menyerahkan mereka kepada kedamaian abadi Tuhan.



Sepanjang perjalanan, Fr Cosmas Lee membimbing renungan yang dipetik daripada dekri Tahun Jubli Sri Paus Fransiskus.

Mengingati para martir, Fr Cosmas mengatakan, "Pengorbanan mereka mengingatkan kita bahawa harapan Kristian bersinar pal-

ing terang dalam masa kegelapan."

Ziarah itu bukan sahaja memperingati tetapi juga pembaharuan rohani bagi para paderi, menyemarakkan semula panggilan mereka untuk menjadi saksi harapan dalam dunia yang masih ditandai oleh penderitaan dan perpecahan.

Perasmian pusat baharu pelayanan kesihatan di KL

KUALA LUMPUR: Sebagai meraikan satu dekad perkhidmatan penuh belas kasihan, Keuskupan Agung Kuala Lumpur secara rasmi melancarkan pejabat baharu Pelayanan Kesihatan Mental Keuskupan Agung (AMHM) dan merasmikan cawangan kedua Pusat Kesejahteraan *Life Journey* di No 36C, Jalan Siput Akek, Taman Billion, Cheras.

Dirasmikan oleh Uskup Agung Julian Leow, pelancaran pusat baharu ini adalah tepat pada masanya dan menegaskan semula misi Gereja untuk menjadi tempat penyembuhan dan perlindungan bagi semua yang bergelut secara senyap dengan beban kesihatan mental.

Uskup Agung Julian menekankan dalam ucapannya bahawa perjuangan kesihatan mental adalah sesuatu yang dialami oleh se daripada kita.

Ia bukan sesuatu yang hanya menjejaskan beberapa orang; kini hampir semua orang terjejas olehnya.

Beliau menggesa masyarakat untuk mengiktiraf keperluan pengamal terlatih yang boleh menawarkan bantuan untuk mengharungi gelombang tekanan, putus asa dan kemurungan yang semakin meningkat. "Tiada siapa yang kebal," katanya.

"Malah mereka yang menasihati dan mendengar juga memerlukan tempat untuk melepaskan beban.

Adalah tidak sihat untuk terus menerima tetapi tidak mempunyai saluran untuk melepaskannya."

Kemudahan yang diperluas di Pusat Kesejahteraan *Life Journey* terbuka kepada semua individu tanpa mengira agama, juga menawarkan bengkel, program pembentukan, dan pendampingan peribadi.

Uskup Agung Julian kesal dengan stigma keraguan ramai untuk mendapatkan bantuan: "Kita semua memerlukan seseorang untuk berjalan bersama kita melalui perjalanan hidup, terutamanya apabila ia menjadi sukar dengan ketidakpastian atau kesakitan."

Fr Philip Chua, pembantu eklesiastikal AMHM, berkata pusat bukan sekadar bangunan baharu tetapi, "Ia tentang mewujudkan ruang untuk penyembuhan." Merenung kembali permulaan pelayanan bermula 10 tahun lalu, ketika pelayanan kesihatan mental masih menjadi tabu dalam kalangan masyarakat namun pandemik Covid-19 telah memaksa penilaian kolektif.

Fr Philip mengingatkan semua yang hadir tentang petikan Injil Matius 11:28, "Marilah kepada-Ku, semua yang letih dan berbeban berat, dan Aku akan memberikan kelegaan kepadamu," sama ada melalui trauma, masalah keluarga, atau isu perkahwinan, individu dan



keluarga dialu-alukan untuk datang seadanya — hancur, mencari, dan memerlukan seseorang yang akan mendengar.

Dalam meraikan ulang tahun ke-10, Uskup Agung Julian juga menggalakkan umat beriman untuk mengambil tanggungjawab terhadap kesihatan mental mereka, menyokong keluarga dan komuniti mereka, serta mempromosikan budaya kesejahteraan, yang berakar umbi dalam keseimbangan, keterbukaan, dan belas kasihan.

"Marilah kita menjadi Gereja yang mendengar," katanya sebagai penutup.

Pusat Kesejahteraan *Life Journey* pertama yang dikendalikan oleh Pelayanan Kesihatan Mental Keuskupan Agung terletak di No 17-C, Jalan S10/2, (Tingkat 2), Bandar Kajang. (Tel: 03-82118214/ WhatsApp: 017-9156188). Pelayanan ini juga dihubungi melalui e-mel lifjourney@archkl.org.

Kunjungan Uskup China ke Melaka Johor

MELAKA: Vikariat Melaka baru-baru ini mengalu-alukan seorang pelawat terkemuka, Uskup Joseph Shen Bin, Uskup Shanghai, China, dalam lawatan budaya dan pastoral yang bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara komuniti Katolik di China dan Malaysia.

Uskup Shen Bin diiringi oleh dua orang paderi dari China, Fr Joseph Yang Yu dan Fr Joseph Zhang Qiulin. Lawatan itu dikendalikan oleh Vikaris Jeneral Keuskupan Melaka Johor, Msgr Peter Ng, yang mengiringi delegasi sepanjang berada di Melaka.

Semasa lawatan, mereka melawat beberapa mercu tanda bersejarah dan keagamaan Melaka, termasuk kubu A' Famosa, Bukit St Paul, dan makam St Francis Xavier. Pelawat itu juga dibawa melawat Pusat MAJODI, ibu pejabat keuskupan bagi Keuskupan Melaka Johor, di mana rombongan disambut dengan mesra oleh Uskup Bernard Paul dan beberapa orang paderi.

Kunjungan itu memberikan peluang untuk dialog yang bermakna, dan pengukuhan persaudaraan Gerejawi antara kedua-dua negara.

